

11/08/2001

Langkah ambil alih UEM, Renong tepat

Said Anuar Said Ahmad

BIRO Ekonomi Pergerakan Pemuda Umno menyokong langkah kerajaan dalam usahanya mengambil alih UEM dan Renong seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Tawaran pengambilalihan ini akan dibuat melalui Danasaham Sdn Bhd, sebuah syarikat yang ditubuhkan khas oleh Khazanah Nasional Bhd untuk tujuan ini.

Biro Ekonomi Pergerakan Pemuda Umno yakin bahawa usaha kerajaan ini adalah satu langkah yang bijak berdasarkan sebab dan rasionalnya dari beberapa aspek terutama aspek ekonomi dan sosial. Kesan positif ke atas ekonomi dan sosial negara dalam usaha pengambilalihan ini dapat dilihat secara jelas seperti berikut.

Impak Ekonomi

UEM dan Renong adalah peminjam korporat yang terbesar di negara ini dengan jumlah pinjaman lebih RM20 bilion. Jika UEM dan Renong secara berterusan tidak berupaya untuk membayar balik pinjaman mereka, tindakan ini memberi kesan negatif kepada industri perbankan.

Bank yang terbabit memberi pinjaman kepada UEM dan Renong akan tersadai dengan jumlah pinjaman yang tidak berbayar yang begitu besar. Keadaan ini akan melumpuhkan kegiatan bank berkenaan yang berkemungkinan tidak berupaya mengeluarkan pinjaman kepada syarikat lain yang berpotensi.

Ketidakupayaan bank mengeluarkan pinjaman akan menyebabkan keadaan 'beku' yang menjurus kepada kelembapan perkembangan ekonomi negara.

Pasaran saham juga akan menerima kesannya jika UEM dan Renong tidak diambil alih. Secara umumnya, kedua-dua syarikat ini menguasai sebahagian besar syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur. Jika pengambilalihan ini tidak dilakukan kerajaan, penutupan atau kebangkrutan UEM dan Renong akan menyebabkan penurunan indeks Bursa Saham dengan teruknya. Ini akan menyebabkan kehilangan keyakinan pelabur dalam bursa saham negara ini.

Langkah kerajaan ini juga harus dilihat dari segi projek mega yang diusahakan dan dikendalikan oleh UEM dan Renong.

Sebahagian besar daripada projek infrastruktur ini diusahakan dengan subsidi daripada kerajaan. Jika UEM dan Renong diambil alih oleh syarikat luar, kerajaan akan hilang kawalan terhadap projek infrastruktur ini. Umum juga mengetahui bahawa projek ini memberi banyak peluang ekonomi kepada rakyat, umpamanya peluang pekerjaan dan juga peluang perniagaan kepada syarikat kecil/serderhana.

Peluang pekerjaan dan perniagaan ini akan hapus jika UEM dan Renong tidak diambil alih. Apa akan terjadi kepada syarikat kecil yang selama ini bergantung kepada UEM dan Renong? Syarikat ini juga akan bankrap dan seterusnya memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. Keadaan akan menjadi lebih serius jika syarikat kecil/serderhana itu mempunyai pinjaman bank. Oleh itu kesan kepada industri perbankan khususnya dan ekonomi negara amnya perlu dilihat, bukan pada peringkat UEM dan Renong saja, malah lebih besar daripada yang dijangkakan kerana ia akan meliputi seluruh syarikat yang bergantung hidup dengan UEM dan Renong.

Impak Sosial

UEM dan Renong mempunyai beribu-ribu kakitangan yang berkhidmat dengan kedua-dua syarikat ini. Adalah menjadi tanggung jawab kerajaan untuk mengambil alih syarikat seperti UEM dan Renong supaya masalah sosial dapat dielakkan yang mungkin akan timbul berpunca daripada kehilangan pekerjaan.

Jika kerajaan tidak mengambil langkah awal mengambil alih UEM dan Renong, golongan terbesar yang akan menjadi mangsa adalah beribu-ribu kakitangan syarikat.

Projek infrastruktur yang telah dan sedang diusahakan UEM dan Renong selama ini memberi keselesaan kepada rakyat. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan keselesaan yang dinikmati oleh rakyat ini berterusan.

Campur tangan kerajaan dalam pengambilalihan UEM dan Renong perlu dilihat sebagai usaha untuk memastikan kemudahan infrastruktur tidak terganggu dan menjamin kelesaan berterusan kepada rakyat.